



Datuk Bandar serah surat letak jawatan

KUALA LUMPUR, Khamis — Keputusan untuk menerima atau menolak hasrat Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Yaacob Latiff (gambar atas) meletakkan jawatan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Pengiran Othman Rauf memberitahu hari ini, beliau menerima surat dari Tan Sri Yaacob baru-baru ini menyatakan hasratnya untuk bersara atas sebab-sebab kesihatan.

Katanya, perkara itu disampaikan kepada Perdana Menteri dan terserah kepada beliau membuat keputusan.

Bellau memberitahu demikian kepada pemberita di sini hari ini, sebagai mengulas laporan akhbar menyatakan, Tan Sri Yaacob akan meletakkan jawatan tidak lama lagi.

Datuk Pengiran Othman, bagaimanapun, enggan mengulas laporan bahawa jawatan tersebut akan dimansuhkan sebaik sahaja Tan Sri Yaacob berhenti.

Bellau juga enggan menyatakan, siapa akan mengisi kekosongan jawatan tersebut jika ia dikekalkan.

Semuanya terpulang kepada Perdana Menteri, tambahnya.

Menurut laporan akhbar, jawatan Datuk Bandar mungkin dimansuhkan kerana tugas-tugasnya berlapis sejak penubuhan Kementerian Wilayah Persekutuan.

Tan Sri Yaacob mula memegang jawatan tersebut dalam tahun 1972 menggantikan Datuk Bandar pertama, Tan Sri Lokman Yusof.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia